

Hasnan 'takluk' bidang logistik

Syarikat miliknya mempunyai lebih 60 lori kontena yang beroperasi di seluruh negara

>>Oleh NAZARALI SAERIL

nazarali@hmetro.com.my

SIAPA sangka budak kampung yang zaman kanak-kanaknya gemar memanjat pokok, terjun parit, bermain buah getah dan hanya mempunyai sebuah basikal usang kini memiliki lebih 60 lori kontena yang beroperasi di seluruh tanah air.

Lebih membanggakan, 'penaklukan' perniagaan logistik itu diperoleh dalam masa kurang 10 tahun dan mempunyai jalinan kerjasama pintar dengan sebuah syarikat dari Singapura bagi memberi khidmat kepada pelanggan seluruh dunia.

Itulah Mohd Hassan Bosarah, 39, pengasas serta Pengarah Tunas Nasional Holding Sdn Bhd, syarikat logistik yang terbabit menghantar pelbagai barangan, terutama makanan sejuk beku untuk pelanggan dalam serta luar negara.

Menceritakan kembali zaman remajanya, Hassan berkata, dia sebelum ini hanya mengimpikan kerja dalam sektor kerajaan kerana dianggap lebih terjamin selain mendapat gaji tetap.

"Saya bukan datang daripada keluarga senang. Oleh itu, saya hanya impikan kerja dengan kerajaan kerana ia lebih menjamin masa depan.

"Bagaimanapun, semua itu berubah selepas saya bertugas di bahagian korporat sebuah syarikat permotoran tempatan sekitar 1995," katanya.

Di syarikat berkenaan, Hassan berpeluang bertemu ramai pelanggan yang membabitkan diri dalam bidang logistik. Lebih mengujakannya, ada di kalangan mereka bermula dengan hanya dua lori sebelum bertambah kepada 20 dalam tempoh kurang setahun.

Hassan mula memikirkan perkara itu secara mendalam selepas mendapati pembabit-ban Bumiputera dalam bidang berkenaan sangat berkurangan.

"Saya menyuarakan pendapat untuk berhenti dan membuka syarikat logistik sendiri, tetapi mendapat bantahan daripada ibu (Jariah Jamian, 70) serta anggota keluarga lain.

"Bagaimanapun, saya meyakinkan mereka bahawa impian itu pasti mampu dicapai jika saya mendapat kepercayaan, bantuan serta doa mereka," kata pemegang Diploma Pengurusan Perniagaan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) atau kini Universiti Putra Malaysia itu.

Ketika mengambil keputusan berhenti kerja dan membuka



Doa serta restu ibu pula memberi kekuatan kepada saya untuk menempuh semua dugaan dan arwah ayah, Bosarah Abdullah, pasti gembira melihat kejayaan saya jika dia masih hidup"

>Mohd Hassan Bosarah
Pengarah Tunas Nasional
Holding Sdn Bhd

perniagaan sendiri, Hassan baru dua tahun berkahwin dengan Ismarani Siran, 35, tetapi dia berbangga kerana mendapat sokongan padu isteri tercinta.

Pada 1996, Hassan menuhkan Lakaran Jitu Sdn Bhd bermula dengan dua lori saja bersama modal permulaan RM15,000.

"Perniagaan sungguh memberangsangkan tetapi kegawatan ekonomi yang tiba-tiba melanda menyebabkan saya terpaksa menjual perniagaan itu pada 1998. Saya sungguh sedih dan hanya sokongan isteri, keluarga serta rakan mampu mengubati kesedihan.

"Bagaimanapun, saya tidak menoleh ke belakang dan menggunakan wang jualan syarikat untuk membuka satu lagi perniagaan logistik, Gerimis Baiduri Services Sdn Bhd bersama beberapa rakan kongsi lain," katanya.

Hassan berkata, ada yang positif ketika kegawatan kerana ramai rakan perniagaan, khususnya bukan Bumiputera, sanggup membantu memberi idea bagaimana mahu terus 'bernafas' dalam perniagaan berkenaan.

Pada 2000, selepas mendapati perniagaan Gerimis

Baiduri semakin berkembang dengan lebih 200 lori, Hassan berpendapat apa salahnya membuka satu lagi perniagaan sama tetapi kali ini memba-bitkan ahli keluarganya saja.

"Lima adik beradik saya kini membantu dalam perniagaan dan perkembangan Tunas Nasional. Kami bekerja lebih kepada satu keluarga, dengan ibu diberikan tempat teratas dalam memberi nasihat jika ada sesuatu yang tidak kena sesama kami.

"Kini, saya dalam perancangan meluaskan lagi perniagaan ke beberapa negara seperti China, Indonesia, Emiriyah Arab Bersatu serta India kerana mereka mempunyai pasaran yang sangat besar selain bagus untuk prospek masa depan syarikat," katanya.

Bagaimanapun, menurut Hassan, kejayaan itu semua tidak datang bergolek tetapi penuh dengan keringat dan air mata.

Dia pernah tidak tidur hingga berhari-hari kerana sibuk mencari pelanggan, menyiapkan proses dokumentasi selain sering bimbang gagal meraih kontrak.

"Syukur kerana tidak pernah sekalipun saya dipinggir atau dicaci oleh keluarga atau rakan, sebaliknya mereka banyak membantu meringankan beban selain tekanan memuncak ketika itu," katanya.

Hassan turut bangga kerana kini Tunas Nasional mempunyai empat anak syarikat iaitu Lakaran Jitu Sdn Bhd, Gading Saga Sdn Bhd, Tunas Awan Penaja Sdn Bhd dan MH Prima Corporation Sdn Bhd.

Tidak lengkap jika tidak menceritakan berkaitan keluarga dan Hassan yang berkahwin 14 tahun lalu kini dikurniakan enam cahaya mata, iaitu empat lelaki dan dua perempuan.

"Pada saya, anak adalah permata hidup manakala isteri pula permaisuri hati. Sesibuk mana sekalipun, saya tetap meluangkan masa untuk anak serta isteri kerana mereka pendorong utama saya mencapai impian.

"Doa serta restu ibu pula memberi kekuatan kepada saya untuk menempuh semua dugaan dan arwah ayah, Bosarah Abdullah, pasti gembira melihat kejayaan saya jika dia masih hidup," katanya dengan nada sayu.

Hasil kerja keras itu, Hassan kini boleh berbangga dengan tiga aset dalam bentuk bangunan miliknya di Johor dan Selangor bernilai kira-kira RM1.2 juta.

>Profil

NAMA: Mohd Hassan
Bosarah

LAHIR: 10 September
1969 di Pekan Nanas,
Johor

JAWATAN: Pengarah Tunas
Nasional Holding Sdn Bhd
(memiliki empat anak
syarikat - Lakaran Jitu Sdn
Bhd, Gading Saga Sdn Bhd,
Tunas Awan Penaja Sdn Bhd
dan MH Prima Corporation
Sdn Bhd)

PENDIDIKAN: Sekolah
Kebangsaan Jalan Batu,
Pekan Nenas; Sekolah
Menengah Pekan Nenas;
Universiti Pertanian Malaysia
(kini Universiti Putra
Malaysia - UPM)

ISTERI: Ismarani Siran

ANAK: Muhamad Haniff (13);
Muhamad Hidayat (12);
Muhamad Hafizi (11);
Muhamad Hafizuddin (9);
Siti Nur Farisah (5) dan
Nur Elisah (4)

ADIK-BERADIK: Keempat
daripada lapan beradik



PENDORONG KEJAYAAN...Hassan menatap potret Jariah dan arwah Bosarah sambil ditemani Ismarani.

Cari kelainan untuk berjaya

GENERASI usahawan muda kini perlu lebih proaktif menguruskan perniagaan dan tidak terlalu mudah mengharapkan bantuan pelbagai pihak kerana ia akhirnya akan memusnahkan masa depan mereka.

Hassan berkata, usahawan muda juga perlu mempunyai resipi sendiri untuk berjaya dalam perniagaan diceburi.

"Nasihat saya, tentukan arah tuju syarikat serta perniagaan, berani berdepan cabaran selain risiko dan paling penting sekali ialah bertanggungjawab.

"Jangan cepat berputus asa apabila gagal, sebaliknya mantapkan usaha. Dalam masa sama, usah lupa diri kerana ia bakal menjerat usahawan ke arah kehancuran," katanya.

Menurutnya, bidang logistik memberi peluang kepada usahawan muda untuk meluaskan perniagaan tetapi tidak ramai mahu terjun dalam bidang itu.

Katanya, jika peluang dimiliki digunakan sepe-nuhnya, bidang logistik dice-

buri mampu diluaskan lagi pasarannya hingga ke luar negara.

"Kami mendapat banyak pertanyaan daripada rakan dari luar negara seperti Dubai, China, Indonesia dan beberapa negara lain untuk menjalinkan usaha sama.

"Dalam masa sama, jika kita mampu merealisasikan perkara itu, sudah pasti kita secara automatik akan meraih peluang pasaran di negara mereka," katanya.

Menurut Hassan, ramai rakan niaga luar negara mahu memasuki pasaran Malaysia kerana negara ini mempunyai rangkaian perkhidmatan sokongan yang sangat baik selain perkembangan pesat ekonomi serantau.

Oleh itu, Hassan berharap usahawan muda Bumiputera tidak terlalu mengikut aliran perniagaan yang ada, sebaliknya cuba mencari kelainan kerana pasti membuahkan hasil lebih besar jika mampu memanipulasi peluang yang ada.

"Saya sanggup membantu

memberikan didikan atau panduan kepada bakal atau usahawan muda Bumiputera untuk berjaya, asalkan mereka benar-benar komited.

"Jika kita mampu menjalin jaringan perniagaan seperti dilakukan kaum lain, tidak mustahil usahawan Bumiputera boleh berjaya, malah lebih baik daripada sekarang," katanya.

“

Jangan cepat berputus asa apabila gagal, sebaliknya mantapkan usaha. Dalam masa sama, usah lupa diri kerana ia bakal menjerat usahawan ke arah kehancuran"

>Mohd Hassan Bosarah
Pengarah Tunas Nasional
Holding Sdn Bhd




SIBUK... kakitangan Tunas Nasional, Dayang Aslinda Abdul Rahman (kanan), Siti Hamsiah Bosarah (tengah) dan Fairus Ayus Wani Mohd Nasiran (kiri) sibuk menyiapkan tugas.



BANGGA...Hassan bersama dua lori kontena Tunas Nasional.



KEJAYAAN...Hassan berhenti kerja untuk kejar impian.



KELUARGA BAHAGIA...Hassan dan Ismarani bersama anak iaitu Muhamad Hidayat (kiri sekali), Nur Farisah, Nur Elisah, Muhamad Hafizuddin, Muhamad Hafizi dan Muhamad Haniff ketika bercuti di Sabah.